

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]
TARIKH : 02 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 27

Y.B. TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Aakta Cukai Pendapatan tahun 1967 dan Akta Cukai Harta Tanah 1976 akan :-

(a) dikemaskinikan dengan dasar percukaian yang lebih munasabah dan mesra rakyat memandangkan proses perniagaan telah banyak berubah sejak tahun 1967 ; dan

(b) dikaji semula khususnya untuk mengelakkan keuntungan/peningkatan nilai harta tanah tidak dikenakan cukai dua kali, satu di bawah Akta Cukai Pendapatan sebagai pemaju dan satu lagi di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah jika berlaku jual-beli syer syarikat pemaju tersebut dan adakah akan digubal semula memandangkan banyak pindaan kecil telah dimasukkan yang memerlukan penomboran perenggan semula untuk melengkapkan Akta tersebut .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengemaskini dan meminda dasar percukaian di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan akta-akta berkaitan percukaian sedia ada melalui pindaan Rang Undang-Undang Kewangan yang dibahaskan di Parlimen. Pindaan yang dibuat adalah bagi memastikan perundangan percukaian di Malaysia sentiasa dikemaskini dan seiring dengan standard percukaian antarabangsa (*international agreed tax standard*) selain memperkemaskan kecekapan sistem percukaian negara agar kutipan hasil negara selari dengan perkembangan model perniagaan terkini dan pertumbuhan ekonomi semasa; dan
- b. Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dikenakan ke atas keuntungan yang diperoleh bagi penjualan atau pelupusan harta tanah. Bagi syarikat pembangunan hartanah, hasil keuntungan dari penjualan perumahan dan bangunan komersial merupakan pendapatan perniagaan yang tertakluk kepada cukai pendapatan di bawah seksyen 4(a) Akta Cukai Pendapatan 1967. Sekiranya perolehan harta tanah adalah bagi tujuan pelaburan jangka masa panjang dan tidak berniat untuk dilupuskan dalam tempoh yang singkat, hasil keuntungan dari pelupusan hartanah tersebut adalah dicukaikan di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. CKHT juga dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan saham dalam syarikat harta tanah. Syarikat harta tanah adalah syarikat terkawal yang memiliki harta tanah atau memegang saham dalam lain-lain syarikat harta tanah sebagai aset utamanya yang tidak kurang dari 75% daripada nilai keseluruhan harta ketara. Bagi transaksi jual beli saham dalam syarikat pemaju, CKHT akan dikenakan kepada pemegang saham ke atas keuntungan daripada pelupusan saham jika syarikat pemaju tersebut adalah syarikat harta tanah yang tertakluk kepada perenggan 34A Jadual 2 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.